



DATO' MOHD YASIN MOHD SALLEH

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
(Secretary General Ministry of Youth and Sports Malaysia)
Aras 15 Menara KBS (Level 15 KBS Tower)
Presint 4 (Precinct 4)
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
(Federal Government Administrative Centre)
62570 Putrajaya

Tel : 03 - 8871 3018
Faks : 03 - 8888 8719
E-mail : yasin@kbs.gov.my

Rujukan Kami : KBS.S.1-18/2 (26)

Tarikh : **14** Ogos 2008

Semua Jabatan/Bahagian/Agensi
Kementerian Belia dan Sukan

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BIL. 5 TAHUN 2008**

**PERMOHONAN PERTUKARAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI
SERTA KAKITANGAN YANG MENGGUNAKAN
PENGARUH POLITIK/LUAR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Kementerian sering menerima permohonan pertukaran tempat berkhidmat dari pegawai dan kakitangan dengan menggunakan pengaruh politik/luar. Permohonan pegawai dan kakitangan telah dikemukakan secara lisan mahupun bertulis kepada ahli politik bertujuan mempengaruhi serta memberi tekanan bagi memudahkan pertukaran diluluskan.

3. Berdasarkan Peraturan 4, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, pegawai adalah dilarang membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan pegawai berhubung dengan perkhidmatan awam. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya ingkar serta tidak mematuhi peraturan tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah membuat ketetapan akan mengambil tindakan kepada pegawai dan kakitangan yang membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar bagi menyokong atau memajukan tuntutan pegawai berhubung dengan perkhidmatan awam seperti berikut :


- (a) Surat tunjuk sebab dikeluarkan kepada pegawai dan kakitangan yang menggunakan pengaruh politik/luar; dan
- (b) Tidak dipertimbangkan dalam satu urusan pertukaran pegawai.

5. Sehubungan dengan itu, sekiranya pegawai dan kakitangan yang berhasrat memohon bertukar tempat berkhidmat, sila kemukakan borang permohonan berserta dokumen sokongan yang berkaitan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia **melalui dan mendapat sokongan Ketua Jabatan.**

6. Kementerian akan mempertimbangkan permohonan sekiranya terdapat kekosongan dan keputusan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua perkara iaitu **kepentingan kebajikan pegawai serta kepentingan perkhidmatan keseluruhannya.**

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' MOHD YASIN MOHD SALLEH)

s.k. Y.B. Dato' Menteri Belia dan Sukan